

**UCAPAN PERASMIAN**

**MENTERI KERJA RAYA  
YANG BERHORMAT DATUK HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF  
MESYUARAT PEGAWAI KANAN (SOC)  
JKR MALAYSIA TAHUN 2013**

**PADA 27 MEI 2013**

**TERENGGANU EQUESTRIAN RESORT,  
KUALA TERENGGANU  
27 MEI 2013**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih tuan pengerusi majlis.

Yang Berhormat Datuk Rosnah binti Hj. Abdul Rashid Shirlin  
Timbalan Menteri Kerja Raya

YBhg. Datuk Himmat Singh  
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

YBhg. Dato' Seri Ir. Mohd Noor Bin Yaacob  
Ketua Pengarah Kerja Raya

YBhg. Dato' Haji Nasir bin Mat Dam  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)  
Kementerian Kerja Raya

Yang Berusaha Encik Sarani bin Dollah  
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)  
Kementerian Kerja Raya

YBhg. Dato' Ir. Ismail bin Md. Salleh  
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia

YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin Bin Abdul Karim  
Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan

YBhg. Dato' Ir. Annies bin Md Arif,  
Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pengurusan)

YBhg. Dato' Sr. Abdull Manaf bin Hj. Hashim  
Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar)

Yang Berusaha Ir. Adanan bin Mohamed Hussain,  
Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes)

YBhg. Dato' Haji Shafii bin Mohamad  
Pengarah JKR Negeri Terengganu

Yang Berusaha Tuan Haji Ir. Mohd Aminuddin bin Md Amin  
Pengarah Cawangan Pengurusan Korporat,  
Merangkap Pengerusi JK Induk Mesyuarat Pegawai Kanan JKR  
Malaysia 2013

Pengarah-Pengarah Kanan, Pengarah-Pengarah Cawangan/  
Bahagian, Pengarah-Pengarah Negeri, Jurutera-Jurutera Daerah,  
Pegawai-Pegawai Kader, Pegawai-Pegawai Kanan, Dato'-Dato', Datin-  
Datin serta tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamu alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita berkumpul bersama-sama sempena Majlis Perasmian Mesyuarat Pegawai Kanan JKR Malaysia Tahun 2013 di Kuala Terengganu. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak JKR kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan majlis ini. Majlis ini merupakan majlis besar yang pertama untuk diri saya di KKR selaku Menteri Kerja Raya yang baru. Saya amat berbangga untuk berada di sini bersama-sama warga JKR seluruh negara di mana di sini bermulanya detik pertemuan kita yang pertama semenjak dengan rasminya saya dilantik menjadi Menteri Kerja Raya pada 16 Mei 2013. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan sekalian akan memberikan sokongan dan kerjasama yang padu kepada saya untuk menerajui Kementerian Kerja Raya dan seterusnya membawa semua agensi di bawah KKR ke peringkat yang lebih maju dan unggul pada masa hadapan, In Sha Allah.

2. Saya dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pegawai Kanan ini merupakan acara tahunan JKR yang diadakan mengikut giliran negeri di mana pada kali ini JKR Negeri Terengganu telah

dipilih sebagai tuan rumah. Saya berharap dengan pemilihan tempat mesyuarat yang nyaman dan selesa ini akan dapat membangkitkan semangat dan tekad yang lebih tinggi kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk terus berkongsi pengetahuan serta pengalaman dalam menzahirkan penambahbaikan kualiti mutu penyampaian perkhidmatan awam amnya dan JKR khususnya.

## **CABARAN DAN PERANAN JKR DALAM TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM**

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

3. Pemilihan tema mesyuarat kali ini iaitu “**Pencetus Inspirasi, Penjana Transformasi**” amat bertepatan dan seiring dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang dirangka oleh Kerajaan. Pada tahun ini, di mana kita berada di fasa ke dua pelaksanaan GTP, Kerajaan kini sedang berusaha untuk terus memperdalam dan memperluaskan lagi proses transformasi yang telah dimulakan. Saya amat berharap agar tema yang diketengahkan ini dapat dikupas sedalamnya dan idea-idea baru dapat dilontarkan ke arah memperkukuh prestasi dan peranan JKR dalam pengujudan dan pengurusan aset Negara ke arah mencapai transformasi yang dirancang.

4. Selaras dengan fungsi dan peranan JKR sebagai agensi teknikal utama Negara, JKR pastinya dinilai berdasarkan kepada keupayaan melaksanakan projek-projek pembangunan Kerajaan khususnya pelaksanaan projek RMKe-10. Justeru, amatlah tepat dan sesuai untuk tuan-tuan dan puan-puan menggunakan kesempatan yang ada pada mesyuarat ini bersama-sama bermuhasabah dan melihat kembali di manakah kedudukan JKR sekarang. Perkara ini amat penting supaya tuan-tuan dan puan-puan dapat merangka tindakan yang tepat dan strategik bukan sahaja untuk memastikan kecemerlangan dan kerelevanan JKR pada hari ini, tetapi untuk mengukuhkan lagi kedudukan organisasi JKR di masa hadapan.

5. Pada hari ini, tuntutan dan ekspektasi pelanggan terhadap perkhidmatan awam yang diberikan adalah begitu tinggi kerana mereka lebih matang dalam menilai sesuatu perkara atau isu yang timbul. Rakyat juga semakin bijak dalam membuat perbandingan serta meningkatkan tahap kemahuan sedia ada. Kita dapat lihat dengan jelas perubahan-perubahan yang berlaku dalam industri pembinaan khususnya sejak kebelakangan ini. Walaupun pada 140 tahun yang lalu JKR merupakan agensi teknikal utama memainkan peranan membangunkan infrastruktur Negara, namun pada hari ini selaras dengan pelan transformasi yang diperkenalkan, fungsi

tersebut juga telah turut dibuka dan ditawarkan oleh agensi lain. Oleh itu, JKR perlu melipatgandakan usaha dan lebih agresif menggunakan pelbagai medium dan kemudahan yang ada untuk menarik semula kepercayaan stakeholders untuk terus menggunakan perkhidmatan JKR.

6. JKR juga perlu menerjah melewati kebiasaan, berusaha dengan lebih gigih lagi dan menetapkan KPI-KPI yang lebih tinggi dalam melaksanakan tugas harian. Cara bekerja perlu ditransformasikan secara radikal supaya isu-isu dan masalah-masalah yang timbul dapat ditangani dengan resolusi sebenar menggunakan prinsip-prinsip amalan terbaik. Dalam melaksanakan proses ini, kerjasama dan penyertaan kakitangan merupakan elemen yang sangat penting bagi memastikan setiap rancangan yang diatur dapat direalisasikan dengan jayanya.

## **PELAN TRANSFORMASI JKR DALAM PELAKSANAAN PROJEK**

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

7. Saya percaya untuk mengecapi pelaksanaan projek yang lancar dan berkesan, kerjasama dan sokongan padu daripada semua stakeholders yang terlibat iaitu pelanggan, kontraktor,

perunding serta masyarakat setempat amatlah diperlukan. Oleh itu, kerjasama, koordinasi dan jaringan komunikasi cekap antara semua pihak perlu diperkukuh seawal yang mungkin sebelum projek dimulakan di tapak. Pengurusan risiko yang cekap dan teliti pula dapat membantu menggerakkan projek mengikut landasan dan *milestone* yang ditetapkan. Salah satu punca berlakunya kelewatan di tapak bina adalah disebabkan oleh *communication breakdown* dan berlaku apabila tiadanya penyelarasan dibuat dalam menangani sesuatu isu yang timbul. Maka, adalah menjadi tanggungjawab JKR untuk mendidik dan menerangkan kepada stakeholders yang terlibat akan tanggungjawab dan peranan yang mereka mainkan dalam pelaksanaan dan pengurusan sesuatu projek.

8. Saya percaya tuan-tuan dan puan-puan yang ada di hadapan saya ini adalah pemimpin dalam unit masing-masing di dalam JKR. Sebagai pemimpin, anda haruslah sentiasa sedar bahawa tanggungjawab yang diamanahkan adalah berat dan berkisar kepada soal membuat keputusan yang adil dan tepat, yang boleh mendatangkan *outcome* yang sempurna. Saya percaya bahawa pendekatan 'Turun Padang' merupakan satu kaedah terbaik dalam usaha merapatkan jurang antara ketua dan anak-anak buah yang menjadi tulang belakang dalam melaksanakan tugas-tugas yang diberikan. Melalui program 'Turun Padang' para pemimpin dapat menilai serta



merasai sendiri pengalaman dan permasalahan yang dilalui oleh anak buah dan seterusnya sasaran yang ditetapkan dan impak yang terhasil memenuhi harapan pelanggan. Perkhidmatan yang diberikan oleh JKR perlulah yang terbaik kerana setiap anggota JKR itu sendiri merupakan sebahagian daripada pelanggan atau *player* kepada perkhidmatan yang diberikan.

9. Saya berharap agar kerjasama yang padu dapat diberikan untuk kita bersama-sama berganding bahu mempertingkatkan mutu penyampaian JKR. Saya berhasrat untuk mempergiatkan proses musyawarah (*engagement*) dengan mengadakan lawatan turun padang ke agensi-agensi di bawah naungan Kementerian Kerja Raya termasuklah ke JKR.

## **KREATIF DAN INOVATIF DALAM MELAKSANAKAN TUGAS**

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

10. Perubahan dan pembaharuan adalah satu perkara yang amat signifikan dan merupakan rencah utama dalam resipi kemajuan. Untuk berdepan dengan kehendak pelanggan dan rakyat yang semakin meningkat dan mencabar pada masa kini,

JKR khususnya memerlukan anggota yang boleh “berfikir” dan apabila menyebut “boleh berfikir”, ia bukanlah berfikiran biasa tetapi lebih kepada fikiran yang melangkaui kebiasaan. Kadang kala kita perlu berfikir di luar kotak pemikiran biasa (think out of the box) bagi mencari jalan yang terbaik untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan atau kelemahan yang ada. Matlamatnya adalah supaya pelanggan merasa seronok berurusan dengan kita, berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan serta menyanjung tinggi sikap responsif dan keprihatinan yang kita amalkan. Warga JKR perlu sentiasa berinovasi agar produktiviti tinggi terus terpelihara. Gabungan antara produktiviti, inovasi dan kreativiti boleh menghasilkan penambahbaikan secara berganda yang akan memberi impak yang besar ke atas produk/ perkhidmatan yang ditawarkan.

11. Untuk menghasilkan idea dan buah fikiran yang lebih kreatif dan inovatif, warga JKR seharusnya terlebih dahulu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran dan kecekapan dalam bidang tugas yang diperlukan. Bagi membolehkan kedua-dua elemen ini diperkasa dan dimanifestasikan dalam amalan perkhidmatan awam, JKR memerlukan perkembangan budaya ilmu di kalangan anggota organisasi. Budaya ilmu ini bukan sahaja membolehkan seseorang itu bergerak dalam pengarahannya yang jelas dan kental ke arah mencapai matlamat yang lebih sempurna, malah

ianya juga dapat memberi kita kekuatan dalam menghasilkan keputusan yang bijaksana dan memahami prinsip keutamaan dalam menangani permasalahan, mempertingkatkan kepekaan terhadap isu-isu penting dan menyumbang kepada lahirnya pemikiran yang berperspektif luas. Sehubungan dengan itu, JKR perlulah memupuk budaya ilmu ini dengan berusaha ke arah membina tradisi kecemerlangan berterusan di kalangan warga organisasi serta menyemai dan merangsang perkembangan intelek di kalangan warganya dalam usaha mewujudkan organisasi yang berilmu.

12. Ke arah penerapan pembudayaan dan perkongsian ilmu yang lebih praktikal dan efisien, saya difahamkan bahawa pembinaan Pusat Kecemerlangan Teknikal Nasional Malaysia telah mendapat persetujuan Kerajaan untuk menjadi platform bagi memperkukuhkan pembangunan modal insan warga JKR. Justeru, saya berharap agar Pusat Kecemerlangan Teknikal Nasional Malaysia ini dapat menjadi sebuah pusat penyebaran dan perkongsian ilmu serta dapat meningkatkan kompetensi warga JKR dengan memberikan latihan secara fokus dan intensif untuk pembangunan kerjaya yang lebih mantap terutama kepada pegawai-pegawai yang baru dilantik. Perkongsian ilmu pengetahuan secara sistematik dan efisien ini diharapkan dapat merealisasikan wawasan JKR untuk melahirkan lebih ramai pakar teknikal dalam bidang masing-

masing selaras dengan kemajuan teknologi semasa dan wawasan negara.

## **PEMANTAPAN ORGANISASI**

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

13. Kita berbangga kerana JKR merupakan salah satu organisasi yang mempunyai bilangan profesional yang paling ramai di Malaysia. Sehingga Februari tahun ini, seramai 562 (17%) pegawai JKR mempunyai pengiktirafan profesional dalam bidang masing-masing. Saya berharap agar lebih ramai lagi pegawai-pegawai mempertingkatkan usaha untuk mencapai taraf profesional agar kredibiliti dan peranan organisasi JKR dapat diserlahkan lagi pada masa akan datang. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan sekalian, pihak JPA kini sedang mengkaji permohonan pemberian Bayaran Insentif Profesional dan Elaun Kekompetenan kepada pegawai JKR yang mempunyai kelayakan profesional. Saya akan berusaha dalam membuat susulan dengan pihak Kerajaan agar elaun ini diberi pertimbangan yang sewajarnya. Saya yakin sekiranya elaun profesional ini diluluskan kelak, ianya sudah pasti akan mendorong lebih ramai lagi pegawai mengejar taraf profesional tersebut dan sekaligus akan dapat meningkatkan kecekapan

pegawai serta mutu penyampaian perkhidmatan ke tahap yang lebih cemerlang.

14. Pihak Kerajaan juga telah memperkenalkan Program Penempatan Silang (*Cross Fertilization Program*) di bawah Dasar dan Prosedur Penempatan Pegawai untuk memberi peluang kepada pegawai Kerajaan yang dilantik dan berkhidmat dalam suatu agensi awam, ditempatkan secara silang dalam tempoh sementara ke organisasi atau firma lain. Program ini juga merupakan salah satu inisiatif strategik Kerajaan untuk mentransformasikan sektor awam kepada suatu perkhidmatan yang mengutamakan aspek keberhasilan dan budaya prestasi tinggi.

15. Saya dimaklumkan pihak JKR telah menggunakan peluang ini untuk membina kepakaran pegawai dalam meneroka bisnes baru Jabatan iaitu dengan menempatkan pegawai-pegawai di *Mass Rapid Transit (MRT) Corporation* selama 2 tahun bermula Februari 2013. Saya berharap agar penglibatan JKR untuk projek-projek yang berimpak tinggi di negara kita dapat ditingkatkan lagi untuk meningkatkan keupayaan jabatan dengan menjadi salah satu pemain utama (main player) atau peneraju dalam industri pembinaan di negara ini bahkan di dunia.

## **PENUTUP**

16. Justeru, saya menggesa semua warga JKR supaya mempersiapkan diri untuk bersama-sama menongkah arus pembangunan dengan menerokai dan menguasai bidang-bidang baru yang mendatangkan keberhasilan fungsi kepada negara supaya dapat berdaya saing serta relevan mengikut peredaran masa. Seiring dengan kecanggihan teknologi semasa, saya berharap agar JKR dapat menambahbaik mutu perkhidmatan selaras dengan kehendak dan ekspektasi pelanggan yang berbeza-beza.

17. Akhir sekali, saya ingin berpesan kepada semua warga kerja JKR supaya marilah kita bersama-sama berganding bahu sebagai satu organisasi yang padu, menanam azam dan semangat yang gigih untuk meningkatkan produktiviti dengan pencetusan idea inovasi yang lebih kreatif ke arah keunggulan JKR. Marilah kita cetuskan inspirasi dan janakan transformasi di KKR amnya dan JKR khususnya, supaya JKR terus unggul di Malaysia dan di seluruh dunia dengan penghasilan perkhidmatan dan produk-produk yang berkualiti dan berteknologi tinggi.

18. Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirahhim** saya dengan berbesar hati merasmikan Mesyuarat Pegawai Kanan JKR Malaysia Tahun 2013.

Sekian, Wabillah hitaufik walhidayah

Assalamu alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh.